

PENYELUDUPAN manusia adalah jenayah perniagaan ketiga terbesar di dunia selepas penyeludupan dadah dan senjata api yang dianggarkan menjana pendapatan antara RM224 juta hingga RM320 juta (AS\$7 hingga AS\$10 juta) setahun bagi setiap orang yang diseludup.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pula menganggarkan RM48 bilion (AS\$15 bilion) setahun diperoleh daripada pendapatan sindiket penjualan bayi dan kanak-kanak.

Kedua-dua angka berkenaan jelas menunjukkan perniagaan orang menguntungkan walaupun risiko untuk menjalankan kegiatan itu tidak setinggi penyeludupan senjata api dan dadah.

Mengikut laporan Tabung Pendidikan Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef), penyeludupan bayi dan kanak-kanak dijalankan sindiket untuk tujuan dijual bagi dijadikan buruh, pengemis, pekerja seks, tentera upahan atau pekerja ladang selain memenuhi kehendak kemanusiaan membantu pasangan yang tidak dapat anak dan menyediakan kanak-kanak dengan kehidupan lebih baik.

Di negara maju, permintaan terhadap bayi dan kanak-



12 M 08/10/02 M/S 2

Bayi perempuan lebih mahal

Di China, seorang bayi atau kanak-kanak perempuan dijual pada harga RM9,300 manakala bayi lelaki RM6,200

hidup dalam kemiskinan.

Seorang bapa Kola Woniye, 32, mengakui beliau sekeluarga hidup selesa selepas menjual dua bayinya kepada seorang ejen dengan harga RM30,000 (STG5,000).

Beliau berkata, tindakannya itu bagi memberikan kehidupan yang lebih baik kepada anak yang dijual itu.

"Ejen yang menjual anak kami memberi jaminan anak kami akan mendapat kehidupan yang lebih baik di Eropah, maka saya tidak ragu menjualnya" katanya.

Mengikut laporan akhbar itu, seorang bayi dan kanak-kanak dijual pada harga 1 juta naira (STG2,500) atau RM15,000 manakala bayi-10 bulan ke bawah pada harga RM12,000 (STG2,000). Gadis remaja termasuk yang mengandung pula bersedia menjualkan bayi mereka dengan harga kurang RM6,000 (STG1,000).

Sementara itu, kumpulan sindiket penjualan bayi antarabangsa yang beroperasi dari Lagos, Nigeria ketika ditemui mengakui mereka menjual sekurang-kurangnya 5,000 bayi dan kanak-kanak setahun ke seluruh dunia termasuk Britain.

Washington Post Foreign Service pula melaporkan sejak sedekad lalu, ramai rakyat Amerika Syarikat mula menjadikan bayi dan kanak-kanak dari benua China sebagai anak angkat, menyebabkan permintaan terhadap bayi berkenaan meningkat. Jika dulu, pasangan

kanak ini meningkat kerana permasalahan reproduktif seperti sukar mendapat anak kerana masalah kesihatan, kahwin lewat dan keengganan mengandung.

Selain itu, langkah mengambil anak angkat adalah usaha kemanusiaan

bagi membantu mengurangkan beban keluarga miskin yang mempunyai ramai anak atau jaminan kehidupan lebih baik kepada bayi yang lahir di negara dunia ketiga.

Ini termasuk apa yang dilakukan artis Hollywood

seperti Madonna dan Angelina Jolie yang mengambil anak angkat dari rumah kebajikan di benua Afrika. Mereka mahu memberikan kehidupan lebih bermakna kepada bayi berkenaan yang datang dari keluarga miskin.

Mengikut laporan akhbar The Telegraph UK, kebanyakan pasangan Nigeria menjual bayi dan kanak-kanak masing-masing kerana mahu memastikan kehidupan lebih baik diperoleh anak berbanding mereka yang

China lebih suka mendapat anak lelaki berbanding perempuan kerana kepercayaan tradisi mereka, kini semuanya berubah apabila harga yang ditawarkan untuk bayi perempuan menjadi anak angkat lebih mahal bayarannya. Dilaporkan, pada 2005,



Bayi mangsa tsunami 2004 turut dijual penyeludup.

Permintaan

KAJIAN Unicef dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa menunjukkan punca utama berlakunya penyeludupan bayi dan kanak-kanak kerana permintaan tinggi di pasaran antarabangsa.

Dalam kajian yang dijalankan Unicef United Kingdom (UK) pada 2003 mendapati bayi dan kanak-kanak yang diseludup dari negara dunia ketiga dan negara membangun akan dijadikan buruh kasar, pekerja seks dan pengemis apabila mereka remaja.

Kajian itu juga mendapati peningkatan kes penyeludupan bayi dan kanak-kanak juga dikaitkan dengan kepesatan globalisasi, revolusi dalam industri pengangkutan, komunikasi dan


peningkatan dasar keterbukaan persepadaanan.

Selain itu, faktor ekonomi, geo-politik, budaya, agama dan sosial juga penyumbang kepada punca yang menyebabkan penyeludupan bayi dan kakak-kanak.

Kemiskinan, masalah pengangguran, migrasi penduduk dan peningkatan harga barang pengguna akibat globalisasi menyebabkan golongan miskin tertekan sehingga mereka mengambil jalan mudah menjual bayi dan kanak-kanak.

Kedudukan sosio-ekonomi dan lokasi geografi keluarga juga penyumbang kepada masalah ini. Biasanya penyeludup tidak mengira jantina bayi dan kanak-kanak untuk diseludup.

INFO **LALUAN UTAMA PENYELUDUPAN BAYI DAN KANAK-KANAK DI BARAT AFRIKA TENGAH**



INFO **LALUAN PENYELUDUPAN BAYI DAN KANAK-KANAK DI EROPAH**



Amerika Syarikat mengeluarkan 8,000 visa untuk anak warga China yang dijadikan anak angkat oleh pasangan negara berkenaan dan laporan turut menyebut, lebih 50,000 kanak-kanak meninggalkan China sejak 1992.

Mengikut laporan China pula, lebih 10,000 kanak-kanak dihantar ke negara lain untuk dijadikan anak angkat dalam tempoh yang sama.

Harga yang ditawarkan bagi seorang bayi atau kanak-kanak perempuan mencecah RM9,300 (AS\$3,000) manakala bayi lelaki pada harga RM6,200 (AS\$2,000).

Permintaan yang tinggi itu kemudian menyebabkan bertambahnya kes penculikan membabitkan bayi perempuan di wilayah pedalaman China. Dipercayai, pusat

lepas dari tangan mereka.

Bagaimana penyeludup berjaya memboloskan bayi dan kanak-kanak untuk penyeludupan tanpa disedari penguat kuasa?

Ada dua teori diberikan Unicef, iaitu sindiket yang turut didalangi pegawai kerajaan atau kegiatan rasuah di pintu sempadan dan di pejabat kerajaan selain kebijaksanaan penyeludup yang menggunakan pelbagai taktik hasil kemajuan pengangkutan dan telekomunikasi.


Bagi penyeludupan membabitkan negara dalam satu benua, biasanya bayi dan kanak-kanak ini diseludup melalui jalan laut seperti mana berlaku di benua Afrika, yang mana anak-anak kecil dari Benin, Togo dan Nigeria dihantar ke Gabon dengan

dan Republik Czech, malah dari benua Afrika juga didalangi mereka yang ada kaitan dengan pihak berkuasa dan agensi kerajaan.

Kebiasaannya, bayi dan kanak-kanak yang mahu diseludup ini tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah, namun, mereka dapat bolos merentasi sempadan kerana adanya dokumen palsu atau mereka disahkan oleh pegawai kerajaan seperti imigresen menjadi warga negara atau masuk dengan visa yang diselenggarakan.

Menurut laporan Unicef, bayi yang diseludup masuk ke Eropah mempunyai visa sebagai pelajar, pelancong atau diisytihar sebagai pelarian dibawa masuk mengikut laluan yang sama bagi penyeludupan orang dewasa.

INFO **LALUAN PENYELUDUPAN BAYI DAN KANAK-KANAK DI ASIA TENGGARA**



perlindungan kanak-kanak turut bersubahat dengan penjenayah menculik bayi perempuan bagi dijual untuk dijadikan anak angkat.

Lebih menyedihkan sindiket ini menandakan anak yang diseludup dengan menoreh kulit kanak-kanak menggunakan simbol tertentu seperti nombor lapan sebagai cara mengesan jika anak itu ter-

kapal bot.

Kanak-kanak dari Mali dan Burkina Faso di seludup ke Ivory Cost melalui darat, begitu juga ke Asia Barat dan negara Teluk, anak-anak kecil dibawa melalui padang pasir menyeberangi sempadan.

Di Eropah, kebanyakan bayi dan kanak-kanak yang diseludup dari Eropah Timur seperti Romania, Albania

begitu juga di Singapura, yang mana anak dari Malaysia, Sri Lanka, Indonesia, Vietnam dan China dibawa masuk secara sah menggunakan dokumen dan visa yang diselweg menggunakan khidmat pegawai kerajaan yang dirasuah atau pegawai itu sendiri yang mendalangi kegiatan yang menguntungkan itu.



tinggi punca penyeludupan sukar ditangani

Namun, harga bayi dan kanak-kanak perempuan lebih mahal berbanding lelaki kerana perempuan lebih mudah dijual untuk terbahit dalam industri seks.

Bagaimanapun, jika penyeludupan bayi bagi tujuan memenuhi permintaan pasangan yang tidak mendapat anak, harga bayi lelaki lebih mahal berbanding perempuan.

Budaya, kepercayaan dan agama juga boleh menyebabkan bayi dan kanak-kanak ini diperdagangkan seperti yang berlaku di Madhya Pradesh, sempadan negeri Uttar Pradesh dan Maharashtra di India yang mana anak perempuan dijual menjadi pelacur sebagai tradisi keluarga untuk menyara

kehidupan mereka.

Sistem kasta yang diamalkan kebanyakan masyarakat di India juga mendedahkan kanak-kanak untuk diseludup dan diperdagangkan.

Ketidaktentuan politik dan ekonomi pula membuka ruang yang luas kepada gadis muda seawal usia sembilan tahun dari Nepal, Bangladesh, Myanmar dan Uzbekistan, dijual kepada penyeludup untuk diseludup ke Eropah menerusi India.

Ketiadaan pendidikan di kebanyakan negara dunia ketiga dan membangun juga menyebabkan kanak-kanak terdedah kepada bahaya untuk menjadi mangsa culik dan penyeludupan. Jika kanak-kanak diberikan pendidikan, mereka

akan menghabiskan masa di sekolah dan boleh belajar menghargai serta melindungi diri masing-masing, daripada

FAKTA NOMBOR

Harga bayi

RM15,000

Harga bayi perempuan di Negeria

RM9,000

Harga bayi perempuan di China

terjebak menjadi pelacur atau buruh kasar.

Diskriminasi berdasarkan jantina dan etnik juga meningkatkan nilai kanak-kanak untuk dijadikan bahan dagangan. Contohnya, dalam sesetengah masyarakat, wanita perlu berkorban dan tidak boleh mendapatkan pendidikan menyebabkan mereka dijual untuk menjadi amah atau pembantu rumah bagi menampung keluarga.

Kajian juga mendapati, kanak-kanak dari kelompok minoriti digunakan mereka yang mengambil kesempatan untuk dijadikan pengemis. Ini mungkin benar berdasarkan kajian Unicef yang mendapati sejumlah besar pengemis kanak-kanak

di Eropah Selatan adalah etnik Roma dari Amerika Selatan.

Turut tersenarai sebagai punca masalah penyeludupan bayi dan kanak-kanak adalah ketiadaan perundangan atau kelemahan penguatkuasaan undang-undang di negara berkaitan.

Contoh di Nigeria, walaupun ada undang-undang permerdagangan orang dan penyeludupan bayi dan kanak-kanak, namun ia tidak dikuatkuasa pihak berkuasa.

Malah, kegiatan rasuah berleluasa di kalangan penguat kuasa, pengawal di sempadan dan pengamal undang-undang yang menyukarkan lagi usaha membanteras kegiatan berkegiatan.